

**TIPOLOGI RUMAH ADAT NIAS
DARI PERSPEKTIF SOSIO-BUDAYA TEMPATAN**

BHAKTI ALAMSYAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

JUN 2012

**TIPOLOGI RUMAH ADAT NIAS
DARI PERSPEKTIF SOSIO-BUDAYA TEMPATAN**

oleh

BHAKTI ALAMSYAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

JUN 2012

PENGHARGAAN

Alhamdulillah puji syukur kepada Allah SWT, kerana dengan rahmatNYA penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Pada kesempatan pertama, dipersembahkan rasa hormat yang setinggi-tingginya dan terima kasih saya kepada Prof. Dr. Julaihi Wahid selaku penyelia utama.

Tesis ini disusun untuk memenuhi salah satu syarat memperoleh gelaran Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia. Dengan mengambil judul “Tipologi Rumah Adat Nias Dari Perspektif Sosio-Budaya Tempatan”, iaitu suatu penyelidikan yang berpaksikan Rumah Adat Nias Selatan dan Rumah Adat Nias Utara diharapkan mendapatkan suatu kesimpulan tentang terjadinya perbezaan dan persamaan di antara kedua-dua bangunan tersebut, terutamanya dari segi peranan sosiobudaya serta pengaruh seni bina tropika dalam pembentukan kedua-dua bangunan tersebut.

Tesis ini tentunya tidak akan dapat diselesaikan dengan baik tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Justeru, pada kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada Civitas Akademika, Universitas Pembangunan Panca Budi, khususnya Bapak Muhammad Isa Indrawan, SE, MM, Bapak Samrin, SE, MM, Bapak Saymara Sebayang, SE, MM, Ir. Yan Eko Budhi, Drs. Indrajaya Lubis, MM, M. Toyib Daulay, SE, MM. Juga tidak dilupai teman-teman sejawat di Fakultas Teknik, khususnya Leni Marlina, S.Kom, M.Kom, Darmeli Nasution, S.Kom, M.Kom, Ir. Suratno, Adi Sastra, ST, Zuhri Ramadhan, S.Kom, Suherman, S.Kom, M.Kom dan Hermansyah, S.Kom, M.Kom serta pihak-pihak lain yang tak dapat disebutkan satu persatu.

Secara khusus dan dengan rasa cinta yang mendalam, sekalung terima kasih diucapkan buat isteri tersayang Trisni Hindayani BA, dan kedua anakanda Anggada Perkasa dan Anggie Dwitantiningrum yang dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang sentiasa mendukung hingga selesainya tesis ini. Tiada kata yang layak dipersembahkan untuk kalian atas segala pengorbanan, pengertian dan kasih sayang yang senantiasa memahami, menasihati dan selalu menyayangi penulis, terima kasih atas segalanya.

Begitu juga sekalung terima kasih diucapkan buat saudara-saudaraku iaitu Ayahku tercinta Achirsaleh, SA yang selalu berdoa untuk kesuksesan anak-anaknya, Ir. Rudy Eka Pujowiyatno dan Mayfetwati yang selalu membantu baik moril maupun materil serta saudaraku lainnya yaitu Tritresnawaty Indralaila dan keluarga serta Ir. Chandra Gunawan dan keluarga. Selain itu tak lupa sekalung terima kasih diucapkan buat para sahabat iaitu, Prof. Ir. M. Nawawiy Loebis, M.Phil, Kakak Norizan, Zawilawati Bt. Abu Bakar, Pak Ngah di Kuching, Bambang Karsono, Arnawan Hasibuan dan isteri, Pak Ismail Kecil, Pak Bakar, Pak Selamat, Pak Ismail Besar yang ada di Malaka, Eric Yap, Hibnoel Walid, Dharma Widya, Musani, dan Dalyanwar. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan dan perhatian kalian terutama nasihat yang memberikan saya semangat untuk menyelesaikan tesis ini

Akhir kata penulis menyadari bahawa tesis ini masih jauh daripada sempurna. Semua pihak melainkan saya tidaklah dapat dipertanggungjawabkan, jika terdapat sesuatu kekurangan dan kelemahan dalam penulisan tesis ini.

Bhakti Alamsyah Bin Achir Saleh

Universiti Sains Malaysia

2012

ABSTRAK

TIPOLOGI RUMAH ADAT NIAS DARI PERSPEKTIF SOSIO-BUDAYA TEMPATAN

Tipologi Bentuk bina yang dibina oleh masyarakat pada dasarnya merupakan suatu tindakan untuk mengadaptasi bangunan terhadap alam persekitaran, yang memerlukan perencanaan khusus dalam pembinaannya. Bentuk bina ini tidak akan terlepas daripada kebudayaan. Hal ini kerana dalam suatu bentuk bina dapat dilihat atau dicari pengaruh budaya dalam pembentukan sebuah bentuk bina. Apabila pemahaman budaya ditinjau secara *materialistik* dan *behavioristik*, maka dengan sendirinya budaya itu merupakan suatu keteraturan daripada perilaku yang dapat dilihat pada bentuk bina, pola pembuatan dan pola penggunaan bentuk bina tersebut.

Seni bina tidak hanya merupakan susunan daripada pelbagai bahan bangunan yang didirikan pada sebidang tanah, tetapi ia lebih merupakan manifestasi daripada pelbagai permasalahan yang kompleks, seperti masalah budaya, sosial dan teknologi. Walaupun seni bina dirancang untuk memenuhi kebutuhan manusia dan untuk mewadahi kegiatan yang dilakukan manusia, namun ia juga merupakan bahagian daripada kebudayaan masyarakat setempat. Melalui pemahaman seni bina, maka ciri sesebuah masyarakat akan lebih dipahami. Kualiti alam persekitaran melibatkan variabel lokasi, fizikal, psikologi dan sosial budaya. Seni bina vernakular tumbuh dan berkembang dari seni bina rakyat yang lahir daripada masyarakat etnik dan berdasar pada tradisi etnik yang menggunakan teknik dan material lokal.

Nias merupakan salah satu suku yang memiliki potensi seni bina yang perlu dikembangkan dengan mengkaji nilai-nilai seni bina yang ada. Selain itu, Nias yang

terletak di pantai barat Sumatera merupakan sebuah pulau yang terletak di antara beberapa pulau kecil yang terdapat di sekitarnya. Berdasarkan kedudukannya yang agak terpencil, maka tidak dapat dinafikan jika tata cara, adat istiadat, kepercayaan, sosial budaya dan lain-lain masih berpijak dan bertitik tolak pada kebudayaan asli yang telah berkembang di Nias.

Diketahui bahawa dalam seni bina terdapat dua jenis bentuk, iaitu tipologi bentuk asas dan tipologi bentuk klasifikasi. Tipologi bentuk asas dan tipologi bentuk klasifikasi bangunan merupakan suatu azas untuk melakukan penyelidikan tentang penggabungan elemen untuk mengelaskan seni bina berdasarkan bentuk. Kaedah tipologi bentuk asas dan tipologi bentuk klasifikasi yang digunakan sebagai alat analisis amat bersesuaian sebagai alat kajian, khususnya kajian budaya dan kesenibinaan. Dalam mengkaji hubungan di antara bangunan dengan sosial budaya tempatan, maka diperlukan suatu penguraian elemen tipologi dua bangunan, iaitu Rumah Adat Nias Selatan dan Rumah Adat Nias Utara. Dari hasil kaedah kajian tersebut juga dilakukan pendokumentasian gambar-gambar elemen bentuk bina Rumah Adat Nias Selatan dan Rumah Adat Nias Utara yang dapat digunakan sebagai azas dalam melakukan konservasi.

Cadangan akhir daripada penyelidikan ini, diantaranya dapat diketahui pengaruh sosial budaya terhadap bentuk bangunan adat atau rumah adat dalam suatu kelompok budaya. Hal ini penting kerana hubungan di antara seni bina dan budaya tempatan memiliki pengaruh yang sangat kuat, bahkan mampu memberikan pemahaman dalam membina suatu bangunan tropika dengan ciri-ciri khusus.

ABSTRACT

A TYPOLOGY OF NIAS TRADITIONAL HOUSE FROM THE PERSPECTIVE OF LOCAL SOCIO-CULTURE

A typology of an architecture created by a community is, basically, an action to adapt a building to its environment that needs a particular plan in the development. This architectural form cannot be separated from the culture. The explanation for this is that in architecture form can be seen or seek the influence of culture in shaping the form. In comprehension of a culture, if we reviewed materialistically and behaviorist the culture by itself acts as orderliness of behavior of the architecture form, in the pattern of shaping and functioning.

Architecture is not simply an arrangement of various building materials built in a land, but more to a manifestation of various complexity issues, such as culture, social and technology. Although it is designed to meet the human needs and to facilitate the activities, the architecture is also part of the local culture. Through the understanding of architecture, the characteristics of a community can be understood. The quality of the environment involves local variability, physical, psychology and socio-cultural. Vernacular architecture grows and develops in the people's architecture that is born in ethnical community and has the basis of ethnical tradition by using local techniques and materials.

Nias is a tribe that has the potency of architecture that needs to be developed by assessing the existing architectural values. Moreover, Nias located in West Coast of Sumatera is an island among smaller islands in its surroundings. Based on its remote location, one thing cannot be denied is the etiquette, custom, believe, socio-

cultural and other things still stand on and started with authentic culture that developed in Nias.

It is known that there two architectural forms, typology of principle and typology of clarification form. Building typology principle and clarification are principles used to research about compounding of elements explaining architecture based on form. This method used as an analytical tool is consistent with study research tool, particularly cultural and architectural research. In studying the relationship between local building and socio-culture, it is required a disintegration of elements of two buildings typologically, the traditional house of Southern Nias and Northern Nias. From the results what is also done is documentation of element form drawings of both houses that can be used as the principle in doing conservation. Some of the final recommendation of this research is discovering the influence of socio-culture towards the form of traditional building or houses in a cultural group. This is important because the relationship between architectural and local culture has strong influence, in fact it is adequate to give a comprehension in developing a tropical architecture with particular characteristics.

